



15 Februari 2013
15 February 2013
P.U. (A) 51

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN (POTONGAN BAGI PELABURAN DALAM PROJEK PENGKOMERSIALAN DAPATAN PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN) 2013

INCOME TAX (DEDUCTION FOR INVESTMENT IN A PROJECT OF COMMERCIALISATION OF RESEARCH AND DEVELOPMENT FINDINGS) RULES 2013



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN (POTONGAN BAGI PELABURAN DALAM PROJEK PENGKOMERSIALAN DAPATAN PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN) 2013

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 154(1)(b) dan 33(1)(d) Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*], Menteri membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Pelaburan dalam Projek Pengkomersialan Dapatan Penyelidikan dan Kemajuan) 2013**.

(2) Kaedah-Kaedah ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 29 September 2012.

Tafsiran

2. Dalam Kaedah-Kaedah ini—

“dapatan penyelidikan dan kemajuan” ertinya dapatan penyelidikan dan kemajuan bagi aktiviti atau keluaran bukan berasaskan sumber yang disenaraikan dalam Jadual dan dimiliki sepenuhnya oleh suatu institusi penyelidikan awam atau institusi pengajian tinggi awam di Malaysia;

“pelaburan” ertinya suatu pelaburan dalam bentuk wang tunai dalam suatu syarikat berkaitan yang syarikat berkaitan itu tidak mempunyai tanggungan untuk membayar balik, atau pegangan modal syer berbayar dalam bentuk tunai berkenaan dengan syer biasa dalam suatu syarikat berkaitan;

“pengkomersialan” ertinya suatu proses transformasi dapatan penyelidikan dan kemajuan kepada suatu produk atau proses yang mempunyai aplikasi perindustrian atau yang boleh dipasarkan;

“syarikat berkaitan” ertinya suatu syarikat yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 [*Akta 125*] yang sekurang-kurangnya tujuh puluh (70) peratus daripada modal syer berbayar berkenaan dengan syer biasa dimiliki secara langsung oleh suatu syarikat yang membuat pelaburan dalam suatu projek pengkomersialan.

Potongan

3. (1) Tertakluk kepada Kaedah-Kaedah ini, bagi maksud menentukan pendapatan larasan bagi suatu syarikat yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 dan bermastautin di Malaysia daripada perniagaannya, suatu potongan hendaklah dibenarkan dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran suatu amaun bersamaan dengan nilai pelaburan yang dibuat semata-mata bagi maksud membiayai suatu projek pengkomersialan dapatan penyelidikan dan kemajuan dalam tempoh asas bagi tahun taksiran itu dalam suatu syarikat berkaitan.

(2) Nilai pelaburan yang disebut dalam subkaedah (1) yang dituntut sebagai suatu potongan—

- (a) hendaklah bersamaan dengan perbelanjaan yang dilakukan oleh syarikat berkaitan itu dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran yang sama bagi operasi aktiviti pengkomersialannya dan aset yang digunakan bagi aktiviti itu; dan
- (b) tidak boleh dilupuskan dalam tempoh lima tahun dari tarikh terakhir pelaburan dibuat jika pelaburan itu adalah dalam bentuk pegangan modal syer berbayar berkenaan dengan syer biasa.

(3) Tertakluk kepada subkaedah (4) dan (5), jika suatu syarikat telah membuat suatu pelaburan dalam bentuk pegangan modal syer berbayar berkenaan dengan syer biasa dan menuntut suatu potongan berkenaan dengan pelaburan itu di bawah subkaedah (1) menerima suatu amaun sebagai balasan bagi pelupusan saham itu, amaun yang diterima oleh syarikat itu hendaklah ditambah dalam menentukan pendapatan larasannya bagi tahun taksiran dalam tempoh asas yang amaun itu diterima.

(4) Amaun yang disebut dalam subkaedah (3) tidak boleh melebihi jumlah keseluruhan potongan yang dibenarkan berhubung dengan pelaburan itu.

(5) Subkaedah (3) tidak terpakai jika pelupusan saham yang disebut dalam subkaedah (3) berlaku selepas lima tahun dari tarikh pelaburan terakhir dalam bentuk modal syer berbayar berkenaan dengan syer biasa yang dibuat dalam syarikat berkaitan.

Syarat bagi potongan

4. Bagi melayakkan suatu potongan di bawah kaedah 3, syarikat yang menuntut potongan itu hendaklah memenuhi syarat yang berikut:

- (a) permohonan bagi kelulusan projek pengkomersialan hendaklah dibuat kepada Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia pada atau selepas 29 September 2012 tetapi tidak lewat dari 31 Disember 2017;
- (b) syarikat itu ialah suatu syarikat yang diperbadankan di Malaysia di bawah Akta Syarikat 1965; dan
- (c) projek pengkomersialan hendaklah bermula dalam tempoh satu tahun dari tarikh kelulusan dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia.

Pemberhentian potongan

5. Jika pelaburan yang dibuat oleh suatu syarikat bagi maksud pengkomersialan dapatan penyelidikan dan kemajuan diberikan potongan di bawah Kaedah-Kaedah ini, potongan itu hendaklah terhenti dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran yang berhubung dengannya tempoh pengecualian cukai bagi syarikat berkaitan itu bermula sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri atau Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, mengikut mana-mana yang berkenaan.